

**WANITA BERDAYA SELANGOR  
SDN. BHD.**



# PROFIL SYARIKAT

Pemberdayaan • Progresif • Inklusiviti

Mendukung Aspirasi:



# KANDUNGAN

03 Visi, Misi, Nilai, Teras Strategik, Inisiatif Utama

04 Kata Aluan Pengerusi

05 Kata Aluan Ketua Pegawai Eksekutif

06 Ahli Lembaga Pengarah

07 Carta Organisasi

08 Dasar Wanita Selangor

10 Teras 1 | PEMBANGUNAN DASAR & POLISI

11 Teras 1 | Pengarusperdanaan Gender

14 Teras 1 | Penyelidikan dan Pembangunan Dasar

16 Teras 1 | Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor

17 Teras 2 | PEMBINAAN KEPIMPINAN

18 Teras 2 | Akademi Kepimpinan Wanita (AKW)

20 Teras 2 | Sidang Wanita Selangor (SIWANIS)

21 Teras 2 | Insentif Program Digital Media Usahawanita Muda (USAHAWANITA)

22 Teras 2 | BIASISWA Wanita Berdaya Selangor

23 Teras 3 | PEMBERDAYAAN WANITA

24 Teras 3 | Pusat Wanita Berdaya (PWB)

27 Teras 3 | Program-program lain

30 Liputan Media



WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.

Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd. (WBS) ditubuhkan pada 6 Januari 2021, dan merupakan syarikat milikan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) yang bertujuan untuk memperkasa wanita melalui pelaksanaan Dasar Wanita Selangor.

WBS telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelbagai program atau inisiatif yang mencipta platform pemasaran hasil produk wanita secara kreatif dan inovatif, serta membangunkan modul kepimpinan bagi memperkuuh kedudukan wanita di peringkat akar umbi dalam pelbagai bidang.

Dengan komitmen yang berterusan, WBS terus menjadi peneraju dalam usaha memastikan kesaksamaan gender dan memperkasa wanita di negeri Selangor selaras dengan matlamat pembangunan lestari.

## RUMAH STRATEGIK WBS

VISI

MISI

NILAI

TERAS STRATEGIK

INSIATIF UTAMA

Peneraju pemberdayaan wanita terkemuka Asia.

Mengungguli usaha pemberdayaan wanita dalam sektor kepimpinan, ekonomi & sosial.

BRAVE  
Berani Memimpin

EMPATHY  
Prihatin & Rasional

RESPECT  
Hormat-menghormati

DIVERSITY  
Meraikan Kepelbagai

ACTIVE  
Proaktif & Progresif

YOUTHFULNESS  
Kreatif & Inovasi

ACCOUNTABILITY  
Integriti & Profesional

1

Pembangunan Dasar & Polisi

Membangun strategi serta melaksanakan penyelidikan dan dasar kepimpinan, ekonomi juga sosial. Penerbitan bahan-bahan ilmiah bagi memperkaya sumber rujukan pemberdayaan dan pembuatan dasar & polisi mesra wanita & keluarga.

2

Pembinaan Kepimpinan

Menyediakan platform kepimpinan dan membangunkan modul pendidikan yang tersusun ke arah membina potensi wanita dalam pelbagai bidang.

3

Pemberdayaan Wanita

Melaksanakan program-program dan advokasi pemberdayaan wanita pada peringkat akar umbi. Usaha berterusan mencipta dan menjana platform pemasaran hasil produk kreatif dan inovatif.

1

Membangunkan penyelidikan & dasar berkaitan wanita serta keluarga di negeri Selangor.

2

Memperkasa Pusat Wanita Berdaya (PWB).

3

Memprioritaskan program mengikut sasaran dan keperluan.

4

Membina kepimpinan wanita & pembinaan kapasiti.

5

Menjadikan WBS sebagai pusat rujukan wanita dan keluarga di Negeri Selangor.

## Kata Aluan Pengerusi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya penerbitan buku Profil Syarikat Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd. dapat dihasilkan. Buku ini bukan sahaja menjadi wadah untuk memperkenalkan WBS kepada masyarakat umum, tetapi juga sebagai manifestasi komitmen kita dalam mendayaupayakan wanita di Negeri Selangor.

Sebagai salah satu anak syarikat Pemerbadanan Menteri Besar Selangor, WBS juga berperanan penting dalam melaksanakan program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor.



Kami komited untuk mencipta peluang dan platform yang lebih inklusif dan berdaya saing bagi wanita di negeri ini.

Sejak tempoh penubuhannya, WBS telah berjaya merangka pelbagai program yang bertujuan untuk memperkasakan wanita pada pelbagai peringkat. Sama ada melalui pembangunan dasar dan polisi, pembinaan kepimpinan, maupun program pemberdayaan wanita di peringkat akar umbi, usaha-usaha ini semuanya berakar umbi daripada kepercayaan bahawa wanita ialah nadi penting dalam kemajuan masyarakat dan negara.

Saya berharap buku ini dapat memberikan inspirasi kepada semua pihak untuk terus bersama-sama merealisasikan agenda pemberdayaan wanita di Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

**YANG BERHORMAT PUAN ANFAAL SAARI**  
**Pengerusi Lembaga Pengarah**  
**Wanita Berdaya Selangor**

‘ ’

## Kata Aluan Pegawai Eksekutif

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya mengajak semua pihak, termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, dan sektor korporat, untuk bersama-sama mendukung usaha memperkasakan wanita di negeri Selangor. Wanita Berdaya Selangor (WBS) bertekad untuk memajukan wanita melalui pelbagai inisiatif yang sejajar dengan aspirasi Sustainable Development Goals (SDG) dan Rancangan Selangor Pertama (RS1).

Dengan kerjasama yang erat, kita dapat meluaskan impak program-program WBS, seterusnya memperkuuh peranan wanita dalam pembangunan ekonomi, sosial, dan kepimpinan. Ini bukan sahaja selaras dengan SDG, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian RS1, yang menekankan pembangunan inklusif dan mampu.

Saya yakin, kita semua dapat mencipta perubahan yang bermakna dan membina masa depan yang lebih cerah untuk wanita di Selangor, sekali gus memperkasakan negeri ini sebagai model kepada pembangunan wanita yang progresif dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

**PUAN RAWIYIAH BINTI ZAKARIA**  
**Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Wanita Berdaya Selangor**




# Ahli Lembaga Pengarah

1. YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI  
Pengerusi
2. YB PUAN DR. WASANTHEE A/P SINNASAMY  
Ahli Lembaga Pengarah
3. DATUK DR. HARLINA HALIZAH BINTI HAJI SIRAJ@RAMLI  
Ahli Lembaga Pengarah
4. PUAN RAWIYIAH BINTI ZAKARIA  
Ahli Lembaga Pengarah
5. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
Ahli Lembaga Pengarah
6. PUAN HAJAH NORITA BINTI MOHD SIDEK  
Ahli Lembaga Pengarah
7. PUAN ROZEETA@HIDAYAH BINTI RAMLI  
Ahli Lembaga Pengarah
8. PUAN ASLYNDA BINTI MOHD DAHLAN  
Ahli Lembaga Pengarah



# Organisasi WBS



# Dasar & Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026

## VISI

Meningkatkan keupayaan dan sumbangan wanita untuk merealisasikan Selangor Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur

## MISI

- Memaksimumkan potensi dan mempelbagaikan kapasiti wanita bagi pemberdayaan diri dan kolektif ke arah kemajuan sosial dan ekonomi
- Meningkatkan kehidupan sosioekonomi, kesihatan dan keselamatan wanita
- Menaik taraf dan mempercepat keupayaan kepimpinan dan pembuatan keputusan wanita


## PRINSIP

Keadilan gender menjadi tema keseluruhan dasar yang menjunjung prinsip hak asasi sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dasar ini menegaskan kerangka hak-hak wanita dan kesaksamaan gender seperti yang terkandung dalam Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap wanita (Convention on the Elimination of All Forms Discrimination Against Women - CEDAW), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing 1995 (Beijing Declaration and Platform of Action) dan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals - SDG) 2015 - 2030. Dasar ini juga memanfaatkan Rancangan Malaysia Ke-12, Dasar Wanita Negara 2021 - 2025 dan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).



Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026 terdiri daripada

**5 titik tumpuan** dan **7 matlamat** yang saling berkaitan, diikuti dengan langkah dan tindakan tertentu.



# TERAS 1 PEMBANGUNAN DASAR & POLISI

## PENGARUSPERDANAAN GENDER

### Apa itu Pengarusperdanaan Gender?

Pengarusperdanaan gender ialah satu proses pembangunan yang inklusif dengan mengintegrasikan perspektif gender ke dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian semua pelan, dasar, bajet, inisiatif dan program pentadbiran kerajaan.

Perspektif gender penting kerana terdapat perbezaan keperluan antara lelaki dengan

wanita dan golongan lain, yang menyebabkan berlakunya ketidaksaksamaan akses dan peluang yang dinikmati oleh mereka.

Maka pengarusperdanaan gender menekankan agar setiap dasar dan tindakan Kerajaan perlulah mengambil kira keperluan kedua-duanya ke arah mencapai matlamat kesaksamaan gender.


### Siapa yang terlibat?

Agendakesaksamaangenderdanmenghapuskan diskriminasi ialah agenda rentas organisasi, memerlukan penglibatan dan sokongan semua pihak terutamanya pihak pentadbiran Kerajaan. Hal ini bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan intervensi pengarusperdanaan gender yang akan dilakukan.

Oleh itu, Projek Rintis Pengarusperdanaan Gender di Negeri Selangor bermula dengan pemilihan EXCO dan jabatan/agensi perintis. Kerajaan Negeri kemudiannya melantik Pegawai dan Kumpulan Titik Tumpuan Gender (Gender Focal Point & Gender Focal Team) yang bertanggungjawab menjayakan dan menyelaras projek ini di jabatan/ agensi perintis.



## Bagaimanakah Proses Pengarusperdanaan Gender?



## Portfolio YB EXCO Perintis dan Jabatan/ Agenzi yang terlibat

EXCO PERINTIS	PORTFOLIO	JABATAN/ AGENSI
FASA 1 (2020/2021)		
YB Dr Siti Mariah binti Mahmud	Kebajikan	Jabatan Kebajikan Masyarakat  Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat
YB Puan Rodziah binti Ismail	Perumahan	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 
	Usahawan	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) 
YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman	Sukan	Majlis Sukan Negeri 
FASA 2 (2021/2022)		
YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari	Pendidikan	Sektor Pendidikan Islam 
YB Tuan Ng Sze Han	Kerajaan Tempatan	Majlis Bandaraya Diraja Klang, Seksyen Pihak Berkua Tempatan 
YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman	Pemberdayaan Pekerja	Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat 

# PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN DASAR

## Kajian Penilaian Impak Akademi Kepimpinan Wanita (AKW)

- Kajian ini dijalankan bagi menilai impak program AKW berpandukan objektif pelaksanaan AKW sepanjang 3 kohort yang telah dijalankan.
- Bertujuan membuat penilaian terhadap pelaksanaan, pengurusan dan garis masa program.
- Bertujuan mendapatkan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi mengemas kini modul yang berkualiti, lebih bersasar, sesuai dan berkesan dalam melahirkan pemimpin wanita.
- Bertujuan membuat penilaian terhadap kualiti tenaga pengajar.
- Seramai 177 responden terlibat yang terdiri daripada peserta AKW, tenaga pengajar dan sekretariat AKW.



## Kajian Sedekad Pencapaian Pusat Wanita Berdaya (PWB)

- Kajian ini dilaksanakan untuk menilai impak program-program di bawah PWB dan keberkesanannya yang dihasilkan.
- Seramai 1,673 responden terlibat.
- Kajian dijalankan untuk mendapatkan cadangan penambahbaikan bagi program PWB sejajar dengan matlamat serta visi dan misi yang digariskan DWS 2017 - 2022.



## Seminar Keluarga Negeri Selangor

- Sebagai platform pemegang taruh dan pihak berkepentingan mengutarakan cadangan, sumbangsaran serta pendekatan atau praktis yang efektif kepada Kerajaan Negeri untuk pembangunan keluarga sejahtera.
- Menyediakan ruang perbincangan idea dan perkongsian maklumat berkenaan pemerkasaan institusi keluarga dan isu-isu semasa yang berkaitan.



## Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor

- Simposium ini bertujuan untuk mendapatkan input-input daripada pihak berkepentingan berkaitan isu-isu sekitar ekonomi penjagaan serta maklum balas tentang cadangan dan usaha yang harus dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada masa akan datang bagi memartabatkan ekonomi penjagaan di negeri Selangor untuk memacu pembangunan negeri yang lestari dan mesra rakyat.
- Sebagai ruang perbincangan dan percambahan idea dalam kalangan pemegang taruh dan pihak berkepentingan tentang hal ehwal ekonomi penjagaan.
- Mendapatkan input dan cadangan bagi menggiatkan usaha untuk memartabatkan ekonomi penjagaan di negeri Selangor.
- Seramai 100 orang peserta menyertainya yang terdiri daripada Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Anak Syarikat Kerajaan Negeri, Ahli Akademik, Badan Pemikir, Pihak Berkua Tempatan (PBT) dan Wakil Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) & Masyarakat Sivil, pemain-pemain industri.




TERAS 2

## PEMBINAAN KEPIMPINAN




## Akademi Kepimpinan Wanita

- Program intensif untuk melahirkan lebih ramai pemimpin wanita dalam politik dan kerja sosial.
- Menyediakan mentoring tersusun kepada wanita untuk memahami realiti dan cabaran unik golongan tersebut.
- Menyokong matlamat ke-4, Dasar Wanita Selangor dalam mempercepat penyertaan wanita sebagai perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik.



### Kategori modul



**100 Peserta  
12 Subjek  
10 Bulan Pengajian  
4 Modul**




# SIWANIS

## Sidang Wanita Selangor

- Program simulasi Sidang Dewan Negeri Selangor untuk wanita.
- Mengasah kepimpinan wanita pada peringkat pembuatan keputusan selaras dengan matlamat ke-4 Dasar Wanita Selangor.
- 56 peserta akan dipilih sebagai perwakilan bagi mewakili 56 Dewan Negeri Selangor (DUN).
- Siri bengkel persediaan dengan modul pembinaan kapasiti dan pendedahan isu dasar melalui lensa gender.

Perwakilan didedahkan kepada proses Sidang Dewan Negeri serta peranan Ahli DUN.



# USAHA WANITA

## Insentif Program Digital Media Usahawan Wanita Muda

- Inisiatif pemberdayaan wanita dalam bidang keusahawanan.
- Platform untuk usahawan wanita muda di Selangor memperkuuh kemahiran media digital.
- Latihan dalam penciptaan kandungan, pemasaran media sosial, reka bentuk grafik, dan e-dagang.
- Membantu wanita muda memajukan perniagaan dengan lebih pantas dan kompetitif dalam keusahawanan digital.



## BIASISWA Wanita Berdaya Selangor

- Biasiswa Wanita Berdaya Selangor ialah inisiatif pemberdayaan wanita melalui Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH).
- Menyediakan wanita Selangor dengan pengetahuan dan kompetensi tinggi menerusi pendidikan berterusan.
- Menawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, dan Doktor Falsafah.



## TERAS 3 PEMBERDAYAAN WANITA




# PUSAT WANITA BERDAYA

- Pusat Wanita Berdaya (PWB) ialah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasa wanita di seluruh negeri.
- PWB berfungsi sebagai platform untuk wanita melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan diri dan memperoleh kemahiran.
- Menggalakkan penglibatan wanita dalam aktiviti sosial, ekonomi dan politik di 56 DUN di Selangor.
- Objektif utama adalah memperkuuh kepimpinan wanita dan meningkatkan penglibatan aktiviti dalam masyarakat.
- Mempertingkatkan status ekonomi wanita, terutamanya golongan B40 di luar bandar, dengan peluang dan sokongan untuk menjana pendapatan mampan.

Beroperasi di

## 56 DUN SELANGOR

N01	Sungai Air Tawar
N02	Sabak
N03	Sungai Panjang
N04	Sekinchan
N05	Hulu Bernam
N06	Kuala Kubu Baharu
N07	Batang Kali
N08	Sungai Burong
N09	Permatang
N10	Bukit Melawati
N11	Ijok
N12	Jeram
N13	Kuang
N14	Rawang
N15	Taman Templer
N16	Sungai Tua
N17	Gombak Setia
N18	Hulu Kelang
N19	Bukit Antarabangsa
N20	Lembah Jaya
N21	Pandan Indah
N22	Teratai
N23	Dusun Tua
N24	Semenyih
N25	Kajang
N26	Sungai Ramal
N27	Balakong
N28	Seri Kembangan
N29	Seri Serdang
N30	Kinrara
N31	Subang Jaya
N32	Seri Setia
N33	Taman Medan
N34	Bukit Gasing
N35	Kampung Tunku
N36	Bandar Utama
N37	Bukit Lanjan
N38	Paya Jaras
N39	Kota Damansara
N40	Kota Anggerik
N41	Batu Tiga
N42	Meru
N43	Sementa
N44	Selat Klang
N45	Bandar Baru Klang
N46	Pelabuhan Klang
N47	Pandamaran
N48	Sentosa
N49	Sungai Kandis
N50	Kota Kemuning
N51	Sijangkang
N52	Banting
N53	Morib
N54	Tanjung Sepat
N55	Dengkil
N56	Sungai Pelek



## 10 Modul Pembangunan Kapasiti



## 10 Modul Kemahiran





## Program Pusat Wanita Berdaya Peringkat Komuniti DUN

- Program Pusat Wanita Berdaya (PWB) dilaksanakan di 56 DUN di Selangor dengan seorang penyelia di setiap DUN.
- Penyelia menyelaras program pemberdayaan wanita sesuai dengan keperluan komuniti setempat.
- Berperanan sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dengan masyarakat untuk pelaksanaan program yang berkesan.
- Program ini menawarkan 10 modul Pembangunan Kapasiti dan 10 modul Kemahiran untuk meningkatkan kualiti hidup wanita.



## Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor

- Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor ialah acara tahunan yang menghargai sumbangan dan pencapaian wanita.
- Acara ini juga memperkasakan wanita dengan pengetahuan dan peluang yang lebih luas.
- Tema berbeza setiap tahun dengan aktiviti seperti forum, bengkel, pameran, dan anugerah khas.
- Sambutan ini selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk memperkasa wanita melalui program dan dasar inklusif.




## Program Pembangunan Kendiri Wanita Madani

- Program Pembangunan Kendiri Wanita Madani di Selangor menekankan aspek kerohanian untuk memperkasakan wanita.
- Fokus utama ialah pembangunan diri dari sudut rohani, termasuk peningkatan keimanan dan kefahaman agama.
- Mengutamakan penghayatan nilai moral dan etika untuk keseimbangan dalam kehidupan sehari-hari.



## Kempen Melawan Keganasan Berasaskan Gender

- Kempen “16 Hari Aktivisme Menentang Keganasan Berasaskan Gender” di Selangor meningkatkan kesedaran tentang keganasan berdasarkan gender dan hak asasi manusia. Bermula 25 November hingga 10 Disember, kempen melibatkan pelbagai organisasi seperti agensi kerajaan, korporat, dan NGO.
- Melalui ceramah, forum, dan bengkel, kempen memerangi keganasan terhadap wanita di samping mempromosikan kesaksamaan gender.



## Bengkel Komuniti Selamat Bersepadu

- Inisiatif untuk menggalakkan kerjasama pelbagai pihak dalam membina komuniti selamat bebas keganasan berasaskan gender.
- Pendekatan holistik melibatkan pelbagai sektor dalam Pencegahan keganasan berasaskan gender.
- Model ini membantu komuniti memahami, mengenal pasti, dan menangani keganasan rumah tangga dengan lebih bertanggungjawab.




## Ekspo Hasil Suri Selangor (HASSEL)

- HASSEL memartabatkan hasil kraf wanita Selangor dengan mengkomersialkan produk mereka.
- Menyediakan platform untuk memperkenalkan dan memasarkan hasil kraf serta meningkatkan pendapatan wanita.
- Memberi peluang untuk mengembangkan kemahiran, membina rangkaian pemasaran, dan memperoleh keuntungan mampan.
- Wanita Selangor berperanan aktif dalam ekonomi di samping memelihara warisan budaya dan seni kraf.



# LIPUTAN MEDIA

# WANITA BERDAYA SELANGOR



Pemberdayaan • Progresif • Inklusiviti



## HUBUNGI KAMI

---

IDCC Ideal Convention Centre Shah Alam   
Aras G, Jalan Pahat L 15/L, Seksyen 15,  
40200 Shah Alam, Selangor

+603 5545 4879 

admin@wbselangor.com.my

[www.wbselangor.org.my](http://www.wbselangor.org.my)



Wanita Berdaya Selangor

